



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MANIFESTASI SENI UKIRAN
KAYU KONTEMPORARI :
ABD. MUHAIMIN BIN
HASBOLLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

YUSNIZA BINTI MOHAMED YUSOF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI :
ABD. MUHAJIMIN BIN HASBOLLAH

YUSNIZA BINTI MOHAMED YUSOF



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)
MOD PENYELIDIKAN

FALKULTI SENI , KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اسلامبوليس تعليم سلطان ايدريس

ISLAMPOURIS EDUCATION UNIVERSITY

Site tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...18....(hari bulan) OKTOBER (bulan) 20.21....

i. Perakuan pelajar :

Saya, YUSMIZA BT MOHAMED YUSOF, M20181000071, FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI : ABD. MUHAMMIN BIN HASBOLLAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, HARLENY BINTI ABD. ARIF (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI : ABD. MUHAMMIN BIN HASBOLLAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SENT) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

18 OKTOBER 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. HARLENY BINTI ABD. ARIF

PENYELIA KURSUS
JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
(UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS)



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI :
ABD. MUHAJMIN BIN HASBOLLAH

No. Matrik /Matric's No.: M20181000071

Saya / I : YUSNIZA BINTI MOHAMED YUSOF
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 18 OKTOBER 2021(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. HARLENY BINTI ABD ARIF

PENYELAKS KAJIAN
JAMINAN SENI DAN PERAKSIAN
PUSKATI BEM KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan penulisan ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Harleny binti Abd. Arif, selaku penyelia utama saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan penulisan ini. Turut tidak dilupa Dr. Norakmal binti Abdullah selaku penyelia kedua yang turut sama dalam membantu dan memberi galakan kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan kedua mereka telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik atau pengkaji yang baik. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Adiguru Abd. Muhaimin bin Hasbollah dan isteri Puan Zarina binti Awang Samah kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan membantu memudahkan proses untuk mendapat data atau maklumat bagi melengkapkan penulisan saya ini. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Mohamed Yusof bin Mamat dan Puan Che Rifaf binti Ishak yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih juga kepada suami tercinta, Encik Muhammad Nasrullah Wong bin Abdullah atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta, doa dan menemani saya ke mana sahaja sehingga penulisan dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Terima kasih juga buat sahabat-sahabat saya Cik Nurul Eza binti Martu, Puan Sumiyah binti Yahaya, Puan Faizura Nur binti Mohamed Jamion kerana banyak memberi dorongan dan sokongan kepada saya untuk meneruskan penulisan ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan serta bantuan dalam menyiapkan penulisan ini. Semoga penyelidikan dan penulisan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetengahkan penggiat seni ukiran kayu kontemporari iaitu Abd. Muhaimin Bin Hasbollah yang telah banyak memberi sumbangan dalam mengharumkan nama negara. Ia juga dapat dijadikan sebagai satu bahan rujukan ilmiah kepada peminat seni ukiran kayu tanah air yang ingin mengenali dengan lebih dekat serta mengkaji keunikan yang terdapat dalam ukirannya. Selain itu, kajian ini juga penting demi kelangsungan seni ukiran kayu kontemporari oleh generasi akan datang serta dapat mengetengahkan keistimewaan ukirannya kepada bakat-bakat baru dalam bidang seni ukiran kayu agar mereka menjadikan beliau teladan dan juga sumber rujukan. Objektif kajian adalah untuk menggalur kehidupan penggiat seni ini, mengenal pasti nilai estetika dan ciri-ciri identiti pada hasil seni ukiran kayu kontemporari tersebut. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif berdasarkan pemerhatian, temu bual dan dokumentasi bagi melengkapkan pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ukiran kayu yang diilhamkan bermotifkan flora dan fauna, serta persekitaran yang dipengaruhi oleh faktor pemilihan tema, idea dan konsep motif. Motif-motif ini mempunyai keunikannya yang tersendiri malah turut mempunyai mesej yang tersirat berkaitan dengan kehidupan dan hubungan manusia dengan alam. Semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam usaha memartabatkan seni ukiran kayu ini terutama dalam bidang pendidikan, kerjasama agensi-agensi serta masyarakat bagi memastikan kelestarian seni ukiran ini terus terpelihara. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin Bin Hasbollah selain usaha ke arah mengekalkan warisan seni ukiran kayu tempatan.

Kata Kunci: Muhaimin Bin Hasbollah; Seni Ukiran Kayu Kontemporari; Motif Ukiran





A MANIFESTATION OF CONTEMPORARY WOOD CARVING ART : ABD. MUHAIMIN BIN HASBOLLAH

ABSTRACT

This study was to highlight the art activist of the contemporary wood carving, Abd. Muhaimin Bin Hasbollah who has contributed to the country's scent name. It can also be used as a reference material for the artistic enthusiasts of wood carving that want to know more closely and to study the uniqueness in its own. In addition, this study is also important for the effort of the contemporary wood carving by future generations and to highlight their fundamental privileges to new talents in the field of wood carving, so that they make it exemplary and reference sources. The objective of the study was to disrupt the life of these artistic players, identify the value of aesthetics and identity characteristics to the artistic produce of contemporary wood carving. The method of study used is qualitative method based on observations, interviews and documentation to complete data collection. The findings of the study showed that wood carving inspired politically motivated flora and fauna, as well as the environment affected by the selection factors, ideas and concepts of motifs. These motifs have their own uniqueness and even have an implicit message related to human life and relationship with nature. All parties need to play an important role in efforts to uphold the art of wood carving, especially in the field of education, cooperation of agencies and the community to ensure the sustainability of this art of carving continues to be preserved. This study aims to highlight the contemporary wood carving art of Abd. Muhaimin Bin Hasbollah in additions as an efforts in preserving the heritage of local wood carving art.

Keywords: Abd. Muhaimin Bin Hasbollah; contemporary wood carving art; engraving motifs.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERASAN TESIS/DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GAMBAR	xv
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	6
1.7	Definisi Operasional	
1.7.1	Manifestasi	7
1.7.2	Seni	8
1.7.3	Seni Ukiran Kayu	11

1.7.4	Kontemporari	13
1.8	Metodologi Kajian	14
1.8.1	Reka Bentuk Kajian	15
1.8.1.1	Kajian Kualitatif	15
1.8.2	Jenis Data	15
1.8.2.1	Data Lisan	16
1.8.2.2	Data Bercetak	16
1.8.2.3	Data Audio Visual	16
1.8.3	Kaedah Mengumpul Data	17
1.8.3.1	Temu bual Mendalam	17
1.8.3.2	Kaedah Pemerhatian	18
1.8.3.3	Kaedah Analisis Data	18
1.9	Batasan Kajian	19
1.10	Rumusan	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Sejarah Seni Ukiran Kayu	22
2.3	Seni Ukiran Kayu Tradisi	25
2.3.1	Falsafah Seni Ukiran Tradisi Melayu	29
2.3.2	Motif Seni Ukiran Tradisi Melayu	34
2.3.3	Estetika Seni Ukiran Tradisi Melayu	38
2.4	Transformasi Seni Ukiran Kayu Tradisional kepada Seni Ukiran Kayu Kontemporari	39

2.5	Seni Ukiran Kayu dalam KSSM Pendidikan	
	Seni Visual	44
2.6	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Kerangka Konsep	59
3.4	Pendekatan Kajian	61
	3.4.1 Pendekatan Biografi	62
	3.4.2 Pendekatan Etnografi dan Budaya	62
	3.4.3 Prinsip Estetika Zakaria Ali	64
3.5	Jenis Data	70
	3.5.1 Data Lisan	70
	3.5.2 Data Bercetak	70
	3.5.3 Data Audio Visual	71
3.6	Kaedah Mengumpul Data	72
	3.6.1 Temubual Mendalam	72
	3.6.2 Kaedah Pemerhatian	74
	3.6.3 Rakaman Foto	76
	3.6.4 Kaedah Analisis Data	76
3.7	Kesimpulan	78

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	80
4.2	Latar Belakang	82
4.2.1	Muhaimin Bin Hasbollah	82
4.2.2	Pengalaman Pahit Dan Manis	92
4.3	Keistimewaan Muhaimin Bin Hasbollah	105
4.3.1	Prinsip Hidup	107
4.3.2	Personaliti Diri	108
4.3.3	Bakat	111
4.3.4	Karya-karya	112
4.3.5	Sumbangan dan Pencapaian	118
4.4	Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari Muhaimin Bin Hasbollah	119
4.4.1	Konsep Kontemporari	119
4.4.2	Seni Kontemporari	120
4.4.3	Karya-karya Istimewa Seni Ukiran Kayu Kontemporari Muhaimin Bin Hasbollah	121
4.4.3.1	Karya 1: Nature and Culture	122
4.4.3.2	Karya 2: The Freedom of Life	123
4.4.3.3	Karya 4: Power of Life	124
4.4.3.4	Karya 5: The Prosperity of Life	125
4.4.3.5	Karya 5: The Bridge	126
4.5	Ciri-ciri Karya Istimewa Seni Ukiran Kayu Kontemporari Muhaimin Bin Hasbollah	127



4.5.1	Alatan dan Bahan	129
4.5.1.1	Alatan	129
4.5.1.2	Bahan	133
4.5.2	Warna dan Reka Bentuk	137
4.5.2.1	Warna	137
4.5.2.2	Reka Bentuk	139
4.5.3	Isipadu dan Saiz	140
4.5.4	Teknik dan Kemasan	143
4.5.5	Tema dan Motif	144
4.5.5.1	Tema	144
4.5.5.2	Motif	145
4.6	Nilai Estetik Karya Istimewa Seni Ukiran Kayu	
	Muhaimin Bin Hasbollah	154
4.6.1	Definisi Estetika	154
4.6.2	Karya-karya Abd. Muhaimin bin Hasbollah	155
4.6.2.1	Karya 1: Nature and Culture	157
4.6.2.2	Karya 2: The Freedom of Life	161
4.6.2.3	Karya 3: Power of Life	165
4.6.2.4	Karya 4: The Prosperity of Life	169
4.6.2.5	Karya 5: The Bridge	173
4.7	Perkaitan Motif dan Budaya dalam Karya Seni Ukiran Kayu	
	Kontemporari Muhaimin Bin Hasbollah.	177
4.8	Kesimpulan	188

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	189
5.2	Ringkasan Kajian	190
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	193
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	197
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	200
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	203
5.7	Rumusan	205

RUJUKAN	206
----------------	------------

LAMPIRAN	212
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

1	Senarai pertemuan di antara pengkaji dengan Abd. Muhaimin bin Hasbollah	73
2	Lima karya ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah	127
3	Prinsip Estetika Ukiran Kayu 'Nature And Culture'	159
4	Prinsip Estetika Ukiran Kayu 'The Freedom Of Life'	162
5	Prinsip Estetika Ukiran Kayu 'Power Of Life'	166
6	Prinsip Estetika Ukiran Kayu 'Prosperity Of Life'	170
7	Prinsip Estetika Ukiran Kayu 'The Bridge'	174
8	Perkaitan motif dan simbolik budaya	179

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1	Falsafah yang terlibat dalam ukiran kayu Melayu	31
2	Reka bentuk Kajian yang dijalankan oleh pengkaji dalam ukiran kayu Melayu	57
3	Kerangka konsep gambaran ilustrasi mengenai Abd. Muhaimin bin Hasbollah	59
4	Prinsip Estetika Zakaria Ali, 1987	66
5	Ciri-ciri karya seni ukiran kayu istimewa Abd. Muhaimin Bin Hasbollah	129

SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
1	Muhaimin Bin Hasbollah	82
2	Gambar bersama keluarga	86
3	Gambar jalan masuk utama ke Bengkel Inakraf	87
4	Bersama isteri tercinta Puan Zarina binti Awang Samah	88
5	Halaman hadapan Bengkel Inakraf, Temerloh, Pahang	89
6	Pintu masuk utama ke Galeri Inakraf, Temerloh, Pahang	90
7	Suasana dalaman Bengkel Inakraf, Temerloh, Pahang	91
8	Abd. Muhaimin bin Hasbollah bersama produk ukirannya yang rosak teruk semasa banjir besar tahun 2014	95
9	Abd. Muhaimin bin Hasbollah mempersembahkan seni silat Di Kaihua, China	97
10	Menerima kunjungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong	99
11	Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong melihat hasil produk yang dihasilkan oleh Bengkel Inakraf	100
12	Menerima kunjungan Menerima kunjungan Tengku Mahkota Pahang	102



13	Menerima Anugerah Adiguru Kraf ke-4	104
14	Berbusana Melayu semasa mengukir di Uzbekistan, 2019	110
15	Menunjukkan aksi lakaran spontan pada bongkah kayu	112
16	Ukiran motif bunga raya di lobi Parlimen	114
17	Karya Ikonik di Pusat Konversi Giant Panda di Zoo Negara	115
18	Ukiran di pintu masuk Malaychan Restoren, Ikeabukuro, Tokyo, Jepun	116
19	Mimbar Masjid Yusof Ishak di Woodlands, Singapura	117
20	Antara peralatan mengukir yang sentiasa digunakan dan sering dibawa ke mana-mana oleh Abd. Muhaimin bin Hasbollah	131
21	Alatan seperti 'chainsaw' dan 'router' yang turut digunakan oleh Abd. Muhaimin bin Hasbollah dalam menghasilkan ukiran kayu	132
22	Peralatan mengukir (pisau ukir) yang sentiasa digunakan untuk mengukir kayu oleh Abd. Muhaimin bin Hasbollah	133
23	Karya 1, Nature and Culture (A Glory Park)	141
24	Karya 2, The Freedom of Life	141
25	Karya 3, Power of Life	142
26	Karya 4, Prosperity of Life	142
27	Karya 5, The Bridge	143
28	Motif Karya 1: Nature and Culture (A Glory Park)	146
29	Motif Karya 2: The Freedom of Life	148
30	Motif Karya 3: Power of Life	150
31	Motif Karya 4: The Prosperity of Life	152
32	Motif Karya 5: The Bridge	153
33	Ukiran kayu Nature and Culture (A Glory Park)	157





34	Ukiran kayu The Freedom of Life	161
35	Ukiran kayu Power of Life	165
36	Ukiran kayu The Prosperity of Life	169
37	Ukiran kayu The Bridge	173





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PSV	Pendidikan Seni Visual
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran





BAB 1

PENDAHULUAN



Seni ukiran kayu Melayu merupakan satu bentuk seni yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Seni ukiran kayu adalah sebahagian daripada hasil kraftangan yang wujud seiring dengan reka bentuk seni rupa yang lain. Seni ukiran kayu Melayu merupakan kemahiran hasil kerja tangan dan ketinggian ilmu yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk barangan di sekeliling kita. Seni ukiran kayu adalah satu cabang seni rupa yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan orang Melayu sejak zaman berzaman lagi (Syed Ahmal Jamal, 1992). Dalam kebudayaan Melayu, penerapan teknik seni ukiran kayu dapat dilihat pada produk seperti peralatan dapur, barangan kraf, perabot, rumah, perahu dan lain-lain. Seni ukiran kayu digunakan juga pada perkakasan yang berbentuk ringkas seperti sudip, pengukur kelapa, acuan



kuih, alatan domestik dan alat pertahanan diri seperti keris yang melambangkan jati diri masyarakat Melayu.

Seni ukiran kayu melalui sejarah yang panjang bermula dari zaman pembinaan istana-istana Melayu, rumah-rumah orang Melayu, seni bina, pengangkutan tradisional seperti perahu, kereta lembu sehingga kepada peralatan domestik. Walaupun zaman berubah, namun seni ukiran kayu terus dilestarikan sebagai penghias di dalam bangunan-bangunan pentadbiran, premis-premis perniagaan, sebagai hiasan dan sebagainya (Saufi Bin Abdul Ghani, 2008). Seharusnya nilai tradisi ini perlu dipelihara dan dijaga dengan baik demi kelestarian seni ukiran kayu yang sangat tinggi nilainya kini. Seiring dengan peredaran masa, penghasilan seni ukiran kayu juga tidak ketinggalan malah terus berevolusi mengikut keperluan masa kini. Jika dahulu pengukir hanya menggunakan motif tradisional kini mereka mula melahirkan karya-karya seni ukiran kayu kontemporari yang turut mempunyai nilai estetik tersendiri.

Kesedaran masyarakat perlu ditingkatkan bagi memastikan kelangsungan warisan seni ukiran kayu ini kekal zaman berzaman. Kini, penerapan seni ukiran telah dimasukkan di dalam silabus mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bermula dari tingkatan satu hingga lima. Pengenalan tajuk seni ukiran kayu dan tokoh ukiran adalah satu langkah yang sangat berguna dalam mendedahkan masyarakat terutama golongan remaja agar dapat mengenali tokoh atau adiguru kraf yang telah menyumbang jasa malah, turut mengetahui tentang teknik, bahan serta motif yang digunakan dalam penghasilan karya seni ukiran kayu yang bernilai. Melalui seni, masyarakat akan sedar akan kepentingan menjaga warisan yang sangat berharga ini. (Pendidikan Seni Visual KSSM, Tingkatan 1, 2016).



1.2 Latar Belakang Kajian

Sedasawarsa ini, seni ukiran kayu mula dihasilkan oleh penggiat seni ukiran kayu tempatan mengikut citarasa dan permintaan dunia hari ini. Masyarakat di Malaysia secara amnya mengetahui tentang seni ukiran kayu tetapi tidak ramai yang mengenali seni ukiran kayu ini dengan lebih dekat lagi. Mereka juga tidak menyedari bahawa seni ukiran kayu bukan hanya terdiri daripada ukiran tradisional malah telah berubah kepada seni ukiran kayu kontemporari mengikut citarasa dan peredaran zaman. Di Malaysia, ramai penggiat seni ukiran kayu yang terkenal dengan kemahiran menghasilkan ukiran kayu tradisional dan kontemporari yang tiada tolak bandingnya. Antaranya, Haji Abdul Latiff bin Long, Wan Mustafa bin Wan Su atau lebih dikenali sebagai Wanpo, Norhaiza bin Noordin, Mohd. Salizan bin Abd. Rahman, Wan Su bin Wan Othman, Nik Rashiddin bin Nik Hussein, Abd. Muhaimin bin Hasbollah, Mohd. Abdah bin Hassan serta ramai lagi (Nuansa Seni ukiran kayu Melayu, 2013).

Dewasa ini, ramai antara kita yang kurang mengenali penggiat-penggiat seni ukiran kayu yang banyak menghasilkan karya seni yang mempunyai jiwa dan nilai yang tinggi. Seharusnya insan-insan seni seperti ini perlu dihargai dan patut diberikan penghargaan semasa mereka masih hidup lagi dan bukannya setelah mereka tiada. Tambahan pula, tidak ramai yang menyedari betapa pentingnya memelihara warisan kesenian ini agar tidak luput dan dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang. Warisan seni budaya ini merupakan lambang jati diri bangsa dan memaparkan ketinggian tamadun bangsa pencipta seni tersebut (Abdul Halim Nasir, 1986).



1.3 Penyataan Masalah

Masyarakat di Malaysia secara amnya menyedari malah mengetahui tentang seni ukiran kayu namun tidak ramai yang mengenali seni ukiran ini dengan lebih dekat lagi. Mereka juga tidak menyedari bahawa seni ini bukan hanya terdiri daripada ukiran tradisional malah telah berubah kepada seni ukiran kayu kontemporari mengikut peredaran zaman. Seiring dengan peredaran zaman, seni ukiran kayu kontemporari mula mendapat tempat dalam masyarakat kerana ukiran ini lebih diminati ramai dan tampak lebih moden sesuai dengan citarasa masyarakat kini (Azizul Ahmad, 2018). Seni ukiran kayu ini jika tidak diteruskan ianya akan hilang begitu sahaja, disebabkan itu golongan pelapis perlu dilatih dengan kemahiran mengukir agar warisan seni ini tidak hilang dibawa arus peredaran masa.

Pada masa kini, tidak ramai generasi muda yang ingin mendalami dan cenderung mempelajari kemahiran seni ini. Mereka lebih terarah pada kemajuan peralatan teknologi dan dunia maya sehingga mengenyampingkan hasil karya seni yang menjadi nilai jati diri sesuatu bangsa. Oleh hal yang demikian, wajarlah jika generasi hari ini mempelajarinya bagi menjaga, mempertahankan dan memartabatkan kesenian ini kerana ianya dapat menyatu dan meningkatkan maruah bangsa serta dapat dibanggakan. Kerajaan Malaysia melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan (2006-2010), memperakui bahawa peranan budaya dan seni mampu menyumbang ke arah membangun individu secara keseluruhan. Ianya juga dapat mempereratkan perpaduan serta mempertingkatkan kualiti hidup melalui penglibatan aktif semua golongan dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Malahan ia dapat mewujudkan kesedaran dan penghayatan yang lebih baik terhadap kekayaan warisan serta keunikan seni budaya



negara yang kita miliki di Malaysia yang berupaya diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan-tujuan berikut :

- OK 1 Menggalur kehidupan Abd. Muhaimin bin Hasbollah sebagai penggiat seni ukiran kayu kayu kontemporari.
- OK 2 Mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat pada seni ukiran kayu kayu kontemporari yang dihasilkan oleh Abd. Muhaimin bin Hasbollah.
- OK 3 Menginterpretasikan nilai estetik pada karya seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah.



1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- PK 1 Siapakah Abd. Muhaimin bin Hasbollah?
- PK 2 Apakah ciri-ciri seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah?
- PK 3 Apakah keistimewaan yang dapat dilihat pada seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah?





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenali dengan lebih dekat lagi penggiat seni ukiran kayu kontemporari. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengetahui sejarah kehidupan penggiat seni ukiran kayu dalam bidang seni ukiran kayu kontemporari yang merangkumi latar belakang kehidupan, pengalaman, cara kerja, motif-motif seni ukiran kontemporari yang telah dihasilkan, karya-karya seni ukiran serta anugerah yang diperolehi sepanjang berkecimpung dalam dunia seni ukiran kayu ini.

Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai satu rakaman kehidupan seorang penggiat seni ukiran kayu yang mempunyai bakat dan keunikannya yang tersendiri. Ia juga boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan ilmiah kepada semua lapisan masyarakat terutama golongan murid sekolah, pelajar universiti, peminat seni ukiran kayu tanah air dan masyarakat seluruhnya (Tengku Sharifah Hj Tengku Ibrahim, 2000). Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan yang berguna untuk mengenali penggiat seni ukiran kayu dengan lebih dekat serta mengkaji keunikan yang terdapat pada seni ukiran kayu kontemporari. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai dokumen sejarah untuk tatapan atau sumber rujukan generasi akan datang dengan mengetengahkan keistimewaan yang terdapat dalam seni ukiran kayu kontemporari mahupun tradisional.



1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Manifestasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) definisi manifestasi merujuk kepada perbuatan atau ucapan yang memperlihatkan tentang sesuatu, melahirkan sesuatu, menunjukkan sesuatu dan menjadikan sesuatu itu nyata. Manifestasi karya sastra merupakan salah satu sumber kekayaan budaya dan pemikiran serta produk perilaku masyarakat atau individu. Begitu juga menurut Kamus Merriam-Webster (2003) menyatakan bahawa manifestasi bermaksud sesuatu yang nyata atau ekspresi yang dapat dilihat secara luaran yang melibatkan sesuatu proses atau kejadian. Manifestasi dapat dilihat dari segi penampilan, ekspresi, luahan perasaan seseorang sama ada secara individu atau kumpulan serta kewujudan atau kehadiran sifat-sifat tertentu pada manusia atau benda.

Manifestasi juga dapat dikaitkan dengan bukti tentang wujudnya sesuatu yang dihasilkan oleh seseorang (Kamus Macmillan, 2007). Selain itu, menurut Kamus Longman edisi ketiga (2001), menyatakan bahawa manifestasi ini adalah hal yang berkaitan dengan tanda-tanda wujudnya perasaan yang sangat jelas dan nyata dan dapat dikembangkan atau dizahirkan pada sesuatu yang dapat menggambarkan perasaan tersebut. Secara umumnya, manifestasi dapat dikaitkan dengan sesuatu perasaan yang kemudiannya dizahirkan pada sesuatu objek yang dapat digambarkan tentang perasaan tersebut. Hal ini mencakupi segala bidang seperti sosial, politik, keagamaan, perubatan, pendidikan, budaya, seni dan lain-lain lagi.



Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan aspek nilai estetik yang terdapat pada karya seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah.

1.7.2 Seni

Mengikut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia, edisi kedua, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), seni bermaksud kecil sekali, halus, molek atau elok, kecekapan atau kepandaian membuat sesuatu yang indah-indah. Menurut kamus Dewan Edisi Ketiga (1998) pula, seni ditafsirkan sebagai pengertian kebolehan mencipta sesuatu lukisan, ukiran, khat dan sebagainya yang indah-indah belaka. Manakala menurut Ensiklopedia Malaysiana (1996:453), seni merujuk kepada satu istilah yang digunakan bagi sesuatu yang indah-indah pada pandangan pancaindera manusia sama ada melalui penglihatan atau pendengaran. Seni merupakan luahan kreativiti manusia yang paling dikenali dan dianggap sebagai keunggulan daya cipta manusia. Seni boleh dikaitkan juga sebagai proses dan hasil dari pemilihan saluran medium, untuk menyampaikan sama ada kepercayaan, idea, rasa, atau perasaan dalam bentuk terbaik untuk saluran tersebut. Walaupun begitu, seni sukar ditakrifkan disebabkan setiap seniman mempunyai aturan dan sekatan tersendiri bagi setiap hasil kerja mereka untuk menentukan karya yang dihasilkan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), seni bermaksud sesuatu karya yang dihasilkan melalui kebolehan mencipta sesuatu seperti lukisan, ukiran, tulisan, kemahiran tangan, muzik, seni suara, seni layar, seni tari, seni silat, mengarang dan

sebagainya yang mempunyai nilai keindahan yang memberi kepuasan kepada penghasilnya serta kepuasan cita rasa kepada peminatnya.

Menurut Ibnu Khaldun, seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika dan logika. Manusia melahirkan sesebuah hasil atau karya seni melalui perasaan, pengalaman dan rangsangan yang dilalui atau dirasakan oleh mereka. Seni menurut bahasa adalah sesuatu yang halus. Menurut istilahnya seni adalah sesuatu yang mengandung nilai estetik. Kehidupan manusia tidak lepas daripada kehidupan seni karena kedudukan seni adalah untuk mengimbangi di antara perkembangan ilmu dengan teknologi. Sesuatu hasil seni terbit daripada ekspresi atau kemahiran kreatif dan imaginasi seseorang artis yang biasanya dalam bentuk visual. Artis menghasilkan karya bertujuan untuk dihayati dan dihargai terutamanya berkenaan kecantikan, keindahan atau impak emosi kepada khalayak. Ini menjadikan maksud sebenar seni berbeza dari seseorang artis dengan yang lainnya kerana setiap artis mempunyai sebab-sebab dan idea atau inspirasi tersendiri dalam penghasilan karya seni mereka (M.S.M Effendi, 2014).

Islam beranggapan seni adalah sesuatu yang sangat penting. Islam adalah agama yang mengajar manusia untuk menghargai ilmu, teknologi, dan seni. Seni dalam Islam adalah sesuatu yang berbentuk estetik atau sesuatu yang indah. Dengan memperkuat nilai seni ini manusia akan sedar akan kehebatan ciptaan Allah SWT dan sekaligus mengakui kebesaran Allah SWT (Yedi Purwanto, 2010). Dipandang daripada sudut agama, Imam Muslim melalui penulisan kitabnya, Kitab Al- Iman, menjelaskan tentang kesenangan estetik dan konsep keindahan sebagai pertemuan antara seseorang yang mempunyai pengetahuan terhadap mesej atau objek yang ditemui. Dalam erti kata lain,

Muslim menjelaskan seni itu sebagai suatu bentuk ilmu (pengetahuan) di mana seseorang yang mempunyai ilmu ataupun pengetahuan seni tersebut akan mencipta serta melahirkan manifestasi pemikiran dan perasaannya terhadap sesuatu objek yang dihayatinya melalui karya-karya seni, ataupun setidak-tidaknya akan menghargai keindahan objek serta karya tersebut, sekiranya tidak mampu menghasilkan karya seni. Ini adalah kerana seni itu sendiri mempunyai pertalian erat di antara penggiat seni dengan khalayak seni itu sendiri (Yedi Purwanto, 2010).

Selain itu, menurut Raina Wildan (2007), seni dalam persektif islam ialah suatu penjelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pancaindera seperti mendengar (seni suara) melihat (seni lukis) dan bergerak (seni tari, drama).

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia yang bersumber daripada Al-Quran dan As-sunnah. Islam adalah agama yang nyata dan sesuai dengan fitrah manusia yang memiliki cita rasa, kehendak, hawa nafsu, sifat, perasaan dan akal fikiran. Dalam jiwa, perasaan, nurani dan keinginan manusia terbenam rasa suka akan keindahan, yang mana keindahan tersebut adalah seni.

Keindahan adalah sesuatu yang dapat menggerakkan jiwa, kemesraan, kesedihan, kesenangan bahkan juga menimbulkan kebencian, dendam dan sebagainya. Menurut Herbert Read dalam bukunya yang bertajuk 'The Meaning of Arts' mengatakan bahawa seni adalah ekspresi kepada penghasilan rupa bentuk yang menimbulkan keceriaan, keseronokan dan kesenangan estetik. Kesenangan estetik di sini adalah merujuk kepada konsep kesenangan yang terhasil daripada kesan



penghayatan terhadap keindahan seni visual. Kepuasan, kenikmatan, kesukaan dan kegembiraan juga termasuk di dalam kesenangan ini (Herbert Read, 1950).

Kesimpulannya, walaupun daripada sudut pandangan mana sekalipun, seni merupakan sesuatu yang berkait rapat dengan estetika dan keindahan. Keindahan yang mampu memukau dan mempesonakan mata dan hati yang menghayatinya dengan segenap pancaindera yang ada. Dalam konteks kajian ini, pengkaji memfokuskan ciri-ciri yang terdapat pada karya seni ukiran kayu kontemporari yang dihasilkan oleh Abd. Muhaimin bin Hasbollah.

1.7.3 Seni Ukiran Kayu



Menurut menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), ukiran merupakan hiasan atau lukisan yang dihasilkan pada sesuatu permukaan melalui proses menoreh, menggores atau memahat. Alat yang digunakan dalam mengukir seperti pisau ukir dan pahat. Ukiran bermaksud proses memotong permukaan kayu untuk membuat hiasan. Seni ukiran kayu adalah bentuk kerja kayu dengan menggunakan satu tangan memegang alat pemotong (pisau) dan satu tangan lagi memegang pahat yang diketuk pada alat pengukir bagi menghasilkan bentuk kayu atau hiasan objek kayu yang diinginkan. Frasa ini juga boleh merujuk kepada produk siap, dari proses melakar hingga membentuk hasil ukiran (Cambridge Dictionary University Press, 2008).

Ukiran merupakan hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Seni ukiran kayu atau bidang seni ukir merupakan seni pertukangan tangan yang menjadi satu





tradisi masyarakat Melayu sejak turun-temurun. Seni itu sendiri sangat luas dan mempunyai pelbagai bentuk cabang seperti seni sastra, seni lukis, seni bina, seni taman, seni muzik, seni tari, seni hias dan seni pertukangan. Seni ukiran kayu Melayu secara tidak langsung menjadi salah satu unsur seni dan budaya tradisional di Malaysia. Seni ukiran kayu di kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja terdapat pada rumah tetapi penjelmaan dan penerapannya terdapat pada istana raja, binaan masjid dan mimbaranya, surau, wakaf, pintu gerbang, alat permainan masa lapang, alat-alat muzik tradisi. Selain itu, seni tersebut turut diaplikasikan dalam pembuatan perabot seperti almari, katil, kerusi, meja, dan kepala perahu yang disebut bangau, alat senjata, alat memasak, alat pertukangan dan pengangkutan tradisi seperti perahu, kereta kuda dan kereta lembu (Zawiyah Baba, 2010).



Di samping itu juga, Seni ukiran kayu ialah hasil kerajinan tangan, kemahiran dan ketinggian ilmu yang diterjemahkan dalam produk-produk tertentu. Ukiran sebenarnya adalah satu hasil yang terbentuk kesan dari kerja mengukir dengan menggunakan alat tertentu seperti pisau, pahat atau benda-benda yang tajam pada sesuatu permukaan lalu menghasilkan suatu lukisan atau gambaran sama ada ia berbentuk cengkung, cembung atau tenggelam dan timbul. Ini bererti, seni ukiran kayu ialah kerja mengukir yang dilakukan ke atas permukaan kayu. Sebagai suatu seni, ukiran itu dibezakan berdasarkan bahan yang digunakan sama ada kayu, logam, kulit, gading, batu dan sebagainya. (Mohammad Nazzri Ahmad, 2016).

Seni ukiran kayu sinonim dengan hiasan tradisional yang diamalkan oleh pengukir kayu Melayu tempatan. Ukiran kayu didefinisikan sebagai bentuk seni menggunakan teknik memotong pada papan tebal dengan motif reka bentuk tertentu



dan sayatan kedalaman yang berbeza (Norhaiza, 2005). Ismail Said (2005) berpendapat bahawa ukiran kayu adalah seni untuk mengeluarkan kayu secara separa dari papan atau papan mengikut spesifik motif dan pesanan. Manakala, menurut HamdzunHaron et.al (2014) pula menyatakan bahawa ukiran kayu adalah aktiviti untuk merobek permukaan kayu dengan menggunakan pelbagai jenis alat seperti pahat dan pisau.

Sementara itu, Neha et.al, (2007) menyatakan ukiran kayu adalah seni yang mempunyai gabungan estetika dengan utiliti. Ringkasnya, ukiran kayu dapat didefinisikan sebagai karya estetik yang dilakukan mengikut perbezaan jenis teknik dan motif yang disusun dengan mempunyai maksud tertentu serta menggunakan alat khusus berdasarkan kayu terpilih. Secara ringkasnya, ukiran kayu adalah produk utiliti dengan penerapan unsur estetik pada setiap penghasilannya. Ukiran kayu dalam konteks ini merujuk kepada lima hasil karya seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah yang menjadi subjek dalam kajian ini.

1.7.4 Kontemporari

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kontemporari bermaksud pada masa yang sama, semasa atau masa kini. Kontemporari dalam istilah Bahasa Inggeris 'contemporary' yang bermaksud masa kini, zaman sekarang atau mutakhir (Cambridge Dictionary University Press, 2008). Menurut Merriem Webster Dictionary (2003) pula, terdapat sedikit perbezaan dalam istilah kontemporari, di mana dalam kegunaan seharian, kontemporari bermakna "moden" atau "baru". Tetapi sebelum abad ke-20, kontemporari sebaliknya hanya merujuk kepada perkara-perkara yang berlaku dari zaman yang sama sahaja. Berdasarkan definisi tersebut, kontemporari di simpulkan



berkaitan dengan masa, jangka masa ataupun zaman. Dalam penulisan ini, kontemporari lebih merujuk kepada Seni Kontemporari.

Menurut Abd. Muhaimin bin Hasbollah, seni kontemporari adalah seni hari ini yang dihasilkan pada pertengahan kedua abad ke-20 atau pada abad ke-21. Seniman kontemporari menghasilkan karya yang dipengaruhi oleh global, budaya, dan teknologi. Seni mereka adalah kombinasi dinamik antara bahan, kaedah, konsep, dan subjek yang merentasi sempadan abad ke-20. Seni kontemporari lebih kepada menghargai konsep, sikap dan idea kerja. Tujuannya adalah untuk mencerminkan subjektif seni, bukan hanya sekadar melihat dan merenung karya tersebut tanpa memahami nilai estetik yang terdapat pada hasil karya tersebut. Seni Kontemporari lebih dikenali sebagai seni moden kini. Pelbagai gaya, perspektif dan teknik membentuk seni kontemporari, yang boleh diwujudkan melalui lukisan, tarian, muzik, teater, patung, sastera, fesyen dan lain-lain. (Abd. Muhaimin, 2019).

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah amat penting dalam sesuatu kajian ilmiah. Ia berkaitan dengan masalah cara kerja untuk memahami sesuatu objek yang berkaitan dengan bidang penyelidikan. Dengan ini, pengkaji akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini.





1.8.1 Reka Bentuk Kajian

1.8.1.1 Kajian Kualitatif

Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif. Menurut Denzin dan Lincoln (1987) mengatakan bahawa pendekatan kualitatif adalah melalui wawancara atau temubual, pengamatan, dan dokumentasi bagi mengetahui serta memahami sikap, pandangan, perasaan dan perilaku individu mahupun kumpulan. Ianya juga termasuk penelitian tentang biografi seseorang yang berkaitan dengan kehidupan individu tersebut dalam hubungannya dengan masyarakat, sifat-sifat, watak dan karya. Melalui kajian kualitatif, maklumat dapat dikumpul dengan lebih terperinci dan telus. Pengkaji menemubual individu yang dikaji secara langsung iaitu Abd. Muhaimin bin Hasbollah untuk mendapatkan data-data berkaitan sejarah dan latar belakang, pendidikan, karya-karya, penglibatan serta anugerah dan sumbangan beliau dalam bidang kraf ukiran kontemporari ini.

1.8.2 Jenis Data

Jenis-jenis data termasuklah data lisan dan data bercetak. Pengkaji memilih untuk menggunakan ketiga jenis data ini untuk mendapatkan sumber maklumat kerana ianya bersesuaian dengan kajian ini.



1.8.2.1 Data Lisan

Data lisan adalah data yang diperolehi hasil daripada temu bual atau temu ramah dan penceritaan daripada penggiat seni yang dikaji. Data lisan lebih tertumpu kepada maklumat yang diperolehi daripada pendengaran pengkaji.

1.8.2.2 Data Bercetak

Data bercetak pula merupakan data-data yang diperolehi dalam bentuk tulisan, jurnal, gambar-gambar, media elektronik, media cetak dan sumber internet. Data ini dikumpul dan digunakan bagi menyokong dalam penulisan pengkaji tentang penggiat yang dikaji.

1.8.2.3 Data Audio Visual

Data audio visual pula dikumpul dengan menggunakan peranti teknologi bagi mendapatkan data menerusi rakaman visual dan audio sepanjang proses pemerhatian pengkaji terhadap penggiat seni seni ukiran kayu kayu. Hasil rakaman ini dapat memudahkan pengkaji untuk melihat dan menilai segala data dengan lebih tepat dan bermaklumat.

1.8.3 Kaedah Mengumpul Data

Kaedah mengumpul maklumat merupakan satu cara untuk membentuk sesuatu kajian.

Dalam kajian ini, pengumpulan data dilakukan dengan beberapa kaedah antaranya kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah analisis data.

1.8.3.1 Temu bual Mendalam

Temu bual mendalam merupakan instrumen yang agak penting kerana menerusi kaedah ini penemu ramah menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Apa-apa yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian. Tindak balas yang relevan dicatatkan kata demi kata. Melalui kaedah ini seseorang pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara mendalami sesebuah topik tertentu. Temu bual mendalam bersifat luas, terbuka, tidak terstruktur, dan tidak semestinya bersifat tetap. Intinya ialah pertemuan berulang kali secara langsung antara pengkaji dan subjek pengkajian. Tujuannya untuk memahami pandangan subjek pengkajian tentang kehidupan, pengalaman, atau situasi subjek pengkajian, sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Secara ringkasnya, temu bual mendalam adalah untuk menggali riwayat atau kronologi penggiat seni ukiran kayu untuk mendapatkan maklumat tentang kehidupannya melalui bahasa lisannya sendiri sekaligus, pengkaji dapat mempelajari kegiatan dan kejadian yang diamati secara langsung.



1.8.3.2 Kaedah Pemerhatian

Melalui kaedah ini, pengkaji memerhati dan melibatkan diri dengan penggiat seni untuk mendapatkan data-data sokongan dengan lebih mendalam lagi. Kaedah ini melibatkan proses rakaman gambar, video dan catatan berkaitan penggiat seni sebagai bukti kajian. Pengkaji juga memerhati bahan, motif, teknik dan proses, tingkah laku serta suasana sekeliling yang melibatkan kehidupan penggiat seni ukiran kayu ini. Pengkaji melakukan pemerhatian terhadap subjek pengkajiannya sekaligus menimbulkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek pengkajian itu sendiri. Interaksi ini bertujuan untuk memperoleh data yang lebih baik dan tepat.

1.8.3.3 Kaedah Analisis Data



Kesemua data yang diperoleh daripada pelbagai sumber diteliti secara lebih terperinci lagi dan dikumpul serta diproses menjadi lebih tersusun bagi memudahkan proses penganalisan dilakukan. Data tersebut kemudiannya disusun mengikut kategori yang sesuai. Setiap data dicatat bagi mengelakkan pengkaji terlepas pandang, tersalah tafsir atau terlupa maklumat yang telah diperolehi. Setelah itu, pengkaji turut membuat huraian dan tafsiran berdasarkan analisis ke atas semua data yang diperolehi. Semua analisis ke atas data yang dibuat adalah untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian yang dikaji.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada seorang penggiat seni ukiran kayu kontemporari iaitu Abd. Muhaimin bin Hasbollah yang telah banyak menyumbang jasa dan mengharumkan nama negara dalam penghasilan seni ukiran kayu. Lokasi kajian adalah di Bengkel Inakraf Kampung Bangau, Temerloh, Pahang. Dapatan kajian bergantung sepenuhnya kepada maklum balas responden terhadap temu bual dan pemerhatian yang dijalankan serta dapatan dokumentasi.

1.10 Rumusan

Seni ukiran kayu merupakan warisan turun temurun yang akan lenyap jika tidak dipelajari oleh generasi masa kini (Mohammad Nazri bin Ahmad, 2016). Jika tidak dipelajari, ilmu tidak dapat diwarisi. Bersandarkan hal tersebut maka lahirlah kepentingan untuk mengenali penggiat seni ukiran kayu yang telah menyumbang jasa dalam melestarikan seni ukiran kayu ini. Kemahiran mengukir merupakan ilmu yang harus dipelajari supaya terus kekal walaupun berlakunya peredaran masa. Sedar akan masalah ini, pengukir pelapis perlu untuk menyambung kesinambungan seni ukiran kayu pada masa hadapan. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenali dan mengkaji dengan lebih dekat penggiat seni ukiran kayu kontemporari yang telah memberi sumbangan dalam bidang seni ukiran kayu negara.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan dalam mengenali kehidupan seorang penggiat seni ukiran kayu kontemporari yang mempunyai bakat dan



keunikannya yang tersendiri. Selain itu, kajian ini juga penting demi kelangsungan seni ukiran kayu kontemporari ataupun tradisional oleh generasi akan datang serta dapat mengetengahkan keistimewaan ukiran kepada bakat-bakat baru dalam bidang seni ukiran kayu. Kebanyakan hasil seni ukiran kayu kontemporari Abd. Muhaimin bin Hasbollah bermotifkan flora dan fauna, alam sekitar serta alam semulajadi. Motif-motif yang dihasilkan oleh beliau mempunyai keunikannya yang tersendiri malah turut mempunyai mesej yang tersirat berkaitan dengan kehidupan dan hubungan manusia dengan alam serta hubungan manusia dengan manusia. Semua hasil karya seni ukiran kayu kontemporari beliau bukan sahaja bermakna tetapi seni ukiran kayu ini juga mempunyai nilainya yang tinggi dan tersendiri.

